



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

SESI TOWN HALL YB MENTERI SUMBER MANUSIA BERSAMA PEMEGANG TARUH DAN PEMAIN INDUSTRI BERHUBUNG RANG UNDANG-UNDANG (RUU) PEKERJA GIG 2025

1. Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah menganjurkan Sesi *Town Hall* YB Menteri Sumber Manusia Bersama Pemegang Taruh dan Pemain Industri Berhubung Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 pada hari ini di Malaysia International Trade Exhibition Centre (MITEC), Kuala Lumpur. Sesi ini diketuai oleh YB Tuan Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia, dan dihadiri oleh pelbagai pemegang taruh serta pemain industri bagi membincangkan rang undang-undang baharu yang bertujuan melindungi hak dan kepentingan pekerja gig di Malaysia.
2. Ekonomi gig telah berkembang pesat dalam beberapa tahun kebelakangan ini, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan menyediakan peluang pekerjaan kepada ribuan rakyat Malaysia. Namun, industri ini turut menghadapi cabaran seperti isu status pekerja, perlindungan sosial, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, serta hak asas pekerja gig.
3. Bagi menangani isu-isu ini, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menggubal RUU Pekerja Gig 2025. RUU ini dirangka untuk mewujudkan keseimbangan antara keperluan pekerja gig dan keupayaan entiti kontrak untuk terus berkembang tanpa menjejaskan sifat fleksibiliti industri gig.
4. Sejak awal proses penggubalan, KESUMA telah menjalankan pelbagai sesi libat urus termasuk mesyuarat, bengkel, dan *town hall* bersama pelbagai pihak seperti Kementerian, Jabatan, Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, penyedia platform, persatuan pekerja gig, majikan, dan kesatuan sekerja.

Sehingga hari ini, sebanyak 12 sesi libat urus telah diadakan di seluruh negara melibatkan 2,800 peserta dan menerima lebih dari 250 maklum balas secara lisan dan dalam talian.

5. RUU ini mengandungi 10 Bahagian dan 101 Fasal yang merangkumi perkara-perkara berikut:
 - a. Hak Pekerja Gig
 - b. Kewajipan Entiti Kontrak
 - c. Kawalan Selia Terma dan Syarat Perjanjian Perkhidmatan
 - d. Mekanisme Penyelesaian Pertikaian
 - e. Penubuhan Majlis Perundingan
 - f. Tribunal Pekerja Gig
 - g. Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Gig
 - h. Perlindungan Keselamatan Sosial
6. KESUMA berpandangan bahawa penggubalan RUU Pekerja Gig 2025 ini adalah langkah penting bagi memastikan perlindungan menyeluruh terhadap kestabilan pendapatan dan keselamatan sosial pekerja gig. Ia juga akan mewujudkan perundangan yang jelas mengenai hak dan tanggungjawab semua pihak dalam industri gig.
7. KESUMA yakin bahawa RUU ini akan membawa manfaat besar kepada pekerja gig, entiti kontrak, dan industri secara keseluruhan. Ia bukan sahaja melindungi hak pekerja gig tetapi juga menyokong pertumbuhan mampan industri gig di Malaysia.
8. Sesi *Town Hall* ini merupakan sebahagian daripada komitmen KESUMA untuk memastikan penggubalan RUU Pekerja Gig 2025 dilaksanakan secara telus dan inklusif. Kerajaan akan terus bekerjasama dengan semua pemegang taruh bagi memastikan rang undang-undang ini dilaksanakan dengan berkesan demi kesejahteraan pekerja gig dan kemajuan industri.